



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***NILAI SOSIOBUDAYA RAMAYANA DALAM CERPEN-CERPEN
TAMIL DI MALAYSIA***

KAVRI A/P KRISHNASAMY

FBMK 2015 13



**NILAI SOSIOBUDAYA RAMAYANA DALAM CERPEN-CERPEN TAMIL DI
MALAYSIA**

Oleh

KAVRI A/P KRISHNASAMY

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera
April 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada kalian di bawah di atas dorongan dan tiupan semangat yang diberikan dalam usaha menjayakan kajian ini. Tanpa kehadiran mereka, usaha menjayakan hasil penulisan ini memang sukar untuk dilaksanakan.

Ibu bapaku

En.P. Krishnasamy dan Pn.P.Krishnamah

Adik-adikku

Uvarajah dan Subashini

Thawamani Patmanathan

Sahabat Karibku

Mariammal Pushparasan



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

NILAI SOSIOBUDAYA RAMAYANA DALAM CERPEN-CERPEN TAMIL DI MALAYSIA

Oleh

KAVRI A/P KRISHNASAMY

April 2015

Pengerusi : Prof Madya Paramasivam Muthusamy, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan menganalisis Nilai Sosiobudaya Karya Sastera *Ramayana* dalam cerpen Tamil Terbitan Akhbar Tamil Nesan 2012. Walaupun banyak kajian yang berasaskan *Ramayana* dan cerpen Tamil Malaysia telah dijalankan sebelum ini, namun, kajian lalu ini diperlihatkan hanya menyentuh tema perbincangan sejarah perkembangan dan pemaparan watak dalam karya *Ramayana* dan cerpen sahaja. Lebih-lebih lagi kajian lalu ini menyentuh tema perbincangan pada peringkat asas sahaja. Maka kajian semasa ini membuka peluang dalam dunia penulisan untuk meneliti pemaparan nilai sosiobudaya Ayodhya Kanda *Ramayana* dalam cerpen Tamil Malaysia secara terperinci. Kajian ini berpusatkan kepada enam nilai sosiobudaya terpilih yang mendasari karya sastera *Ramayana* khasnya dalam Ayodhya Kanda. Kajian ini bersifat mengenal pasti dan merekodkan nilai sosiobudaya *Ramayana* seterusnya membandingkan persamaan dan menganalisis perbezaan penerapan nilai sosiobudaya ini dalam cerpen terpilih. Cerpen yang dikaji terdiri daripada cerpen-cerpen yang diterbitkan dalam tempoh satu tahun. Sebanyak 53 cerpen Tamil terbitan Akhbar Tamil Nesan 2012 dipilih sebagai alat kajian utama. Kajian ini berpandukan kepada Teori Intertekstualiti Julia Kristeva. Kaedah kajian perpustakaan membantu pengkaji mendapatkan sumber maklumat kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan nilai sosiobudaya iaitu hubungan kekeluargaan, pentadbiran, persahabatan, budaya mengundang tetamu, khidmat masyarakat dan nilai kesederhanaan yang diperlihatkan dalam karya sastera *Ramayana* masih dipaparkan dalam cerpen Tamil Malaysia. Namun, ia turut memperlihatkan nilai yang menyimpangi adat dan budaya masyarakat seperti budaya materialistik, pendidikan, pembaziran, nilai pertuturan serta gejala sosial yang berleluasa dalam masyarakat kini. Penemuan kajian ini mendedahkan bahawa nilai sosiobudaya *Ramayana* amat kurang diterapkan dalam Cerpen Tamil Malaysia 2012. Pokok persoalan penulis cerpen 2012 lebih berfokus kepada masalah kepincangan sosial. Keseluruhan kajian ini menunjukkan pemaparan unsur *Ramayana* dalam cerpen Tamil Malaysia 2012 adalah terhad. Sehubungan dengan itu, peranan pengarang amat dititikberatkan agar penerapan nilai yang berunsur positif yang diutarakan dalam *Ramayana* dapat disalurkan kepada khalayak menerusi mata pena pengarang agar dapat melahirkan modal insan yang berbudi pekerti dan berakhlak mulia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

SOCIOCULTURAL VALUES OF RAMAYANA IN MALAYSIA TAMIL SHORT STORIES

By

KAVRI D/O KRISHNASAMY

April 2015

Chairman : Associate Prof. Paramasivam Muthusamy, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study seeks to analyse sociocultural values of *Ramayana* in Malaysia Tamil short stories published by Tamil Nesan daily in 2012. Although many studies have been based on *Ramayana* and Malaysia Tamil short stories have been conducted before, however, the studies only touched the theme of the discussion and the development of character in *Ramayana* and the Tamil short story. Further, the study and the discussion touched on the basics of the themes only. So, this study gives an opportunity in the world of literature to examine the exposure of sociocultural values of Ayoadhya Kanda *Ramayana* in Tamil short stories in detail. This research focuses on the six chosen sociocultural values of Ayoadhya Kanda *Ramayana*. The nature of the research is to identify and record *Ramayana*'s sociocultural values depicted in the selected short stories and then compare the similarities and analyse the differences in inculcating the values from the selected short stories. Anthology of short stories under study consists of Tamil short stories published within a year. 53 Tamil short stories published in the Tamil Nesan daily in 2012 were selected as the main research source. This research is based on Julia Kristeva's Intertextuality Theory. The researcher employed library research as source for information. Findings of this study show sociocultural values such as family ties, management, friendship, hospitality of welcoming visitors, social service and values of moderation highlighted in *Ramayana*'s literature still exist in the present short stories. Nevertheless, it also highlights some negative values which deviate from normal customs and sociocultural in the community such as being materialistic, education, wastage, communication values and social problems which is pervasive in the community. Findings of this study revealed that the sociocultural values of *Ramayana* is less applied in Malaysia Tamil Short Stories in 2012. The subject of writers of short stories focus on lameness social problems. Overall this study shows exposure of *Ramayana* in the Malaysia Tamil short stories in 2012 is limited. With this, the writer's roles is to be greatly emphasized so that positive values can be inculcated as in *Ramayana*'s literature and it can be reach to the people from the writer's perspective hence it can produce respectful and well-mannered human beings.

PENGHARGAAN

Sesungguhnya hasil kajian ini memberi kepuasan selama tiga tahun perjuangan saya bekerja sambil belajar bagi mendapatkan ilmu pengetahuan yang berguna di samping meningkatkan kualiti pendidikan dalam diri saya. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia tesis saya Profesor Madya Dr. Paramasivam Muthusamy, Profesor Madya Dr. Normaliza Abd Rahim dan Profesor Dr. Rajantheran Muniandy atas segala bimbingan, nasihat, tunjuk ajar dan kritikan yang membina dalam usaha saya menghasilkan kajian ini. Sokongan dan dorongan yang diberikan amat bererti kepada saya dan saya akan jadikan ia sebagai panduan untuk meneruskan kajian-kajian lain pada masa akan datang.

Terima kasih juga ditujukan kepada Puan M. Bathmini, Penyelaras Akhbar Mingguan Tamil Nesan yang menghulurkan bantuan dalam mendapatkan koleksi cerpen-cerpen Tamil tahun 2012 akhbar ini dari pusat penerbitan Akhbar Tamil Nesan, Batu Caves, Selangor. Tidak ketinggalan juga kepada keluarga saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, seterusnya kepada rakan-rakan yang turut sama memberi dorongan dan semua pihak yang turut terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha saya menyiapkan kajian ini.



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Paramasivam Muthusamy, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Normaliza Abd Rahim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum teisi ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrit ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Nama dan No.Matrik: Kavri a/p Krishnasamy GS29679

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Keadah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan:

Profesor Madya Dr.Paramasivam Muthusamy

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Profesor Madya Normaliza Abd Rahim

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PERAKUAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
TERJEMAHAN	xiii
BAB	
I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Perkembangan Cerpen Tamil	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Definisi Operasional	9
1.8.1 Nilai	9
1.8.2 Sosiobudaya	9
1.8.3 Ramayana	10
1.8.4 Cerpen Tamil Malaysia	10
II SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Ramayana	11
2.3 Cerpen	18
2.4 Perkaitan Antara Kajian Terdahulu dengan Kajian Ini	23
III METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	25
3.2 Reka Bentuk Kajian	25
3.3 Kerangka Teori	25
3.4 Instrumen Kajian	26
3.5 Prosedur Kajian	27
3.5.1 Kaedah Rujukan Perpustakaan	27
3.6 Analisis Dapatan	27
3.7 Teori Intertekstualiti	28
3.8 Kerangka Teori Konseptual	30

IV	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	31
4.2	Nilai Sosiobudaya dalam Karya Sastera Ayoadhya Kanda Ramayana dan Cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan 2012	31 31
	4.2.1 Hubungan Kekeluargaan	35
	4.2.2 Pentadbiran	36
	4.2.2 Persahabatan	39
	4.2.4 Budaya Mengundang Tetamu	
4.3	Persamaan Nilai Sosiobudaya Karya Sastera Ayoadhya Kanda Ramayana dengan Cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan 2012	40
	4.3.1 Hubungan Kekeluargaan	44
	4.3.2 Pentadbiran	45
	4.3.3 Persahabatan	48
	4.3.4 Budaya Mengundang Tetamu	49
	4.3.5 Khidmat Masyarakat	50
	4.3.6 Kesederhanaan	
4.4	Perbezaan Nilai Sosiobudaya Karya Sastera Ayoadhya Kanda Ramayana dengan Cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan 2012	
	4.4.1 Hubungan Kekeluargaan	51
	4.4.2 Pentadbiran	63
	4.4.3 Budaya Mengundang Tetamu	69
	4.4.4 Budaya Materialistik	70
	4.4.5 Khidmat Masyarakat	74
	4.4.6 Pendidikan	75
	4.4.7 Perasaan Insaf	78
	4.4.8 Pertuturan	79
	4.4.9 Mengenang Budi	80
	4.4.10 Gejala Sosial	81
	4.4.10.1 Lumba Haram	82
	4.4.10.2 Ponteng Sekolah	83
	4.4.10.3 Minuman Keras	83
	4.4.10.4 Berjudi	84
	4.4.10.5 Budaya Samseng	86
	4.4.10.6 Pakaian	87
	4.4.10.7 Budaya Barat	88
	4.4.10.8 Hubungan Sulit	88
	4.4.10.9 Penderaan	89
	4.4.10.10 Melarikan Diri dari Rumah	90
	4.4.10.11 Cinta di Usia Muda	91
	4.4.10.12 Bohong	92
4.5	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	93
4.6	Implikasi Dapatan Kajian	94

V	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	95
5.2	Rumusan	95
5.2.1	Nilai Sosiobudaya Karya Sastra Ayoadhya Kanda Ramayana dan cerpen Tamil Malaysia terbitan Akhbar Tamil Nesan 2012	96
5.2.2	Persamaan Nilai Sosiobudaya antara Karya Sastra Ayoadhya Kanda Ramayana dengan Cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan 2012	96
5.2.3	Perbezaan Nilai Sosiobudaya Karya Sastra Ayoadhya Kanda Ramayana dengan Cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan 2012	98
5.3	Cadangan	101
5.4	Penutup	101
	BIBLIOGRAFI	103
	LAMPIRAN	
	A Sinopsis Karya Ramayana	111
	B Senarai Cerpen Tamil	112
	BIODATA PELAJAR	115

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
4.4.1.1	Bilangan Penerima Bantuan Orang Tua Malaysia (2005- 2009).	63
4.4.4.1	Bilangan Penghuni Institusi Kebajikan Am Mengikut Jenis Perkhidmatan, Malaysia.	74
5.2.1	Rumusan Penerapan Nilai Sosiobudaya Ramayana Dalam Cerpen-cerpen Tamil Di Malaysia.	95



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.8	Kerangka Teori Konseptual	30
4.4.1.1	Bilangan Kes Penceraian Bukan Muslim Yang didaftarkan Mengikt Negeri Di Malaysia (2008-2009)	57
4.4.6.1	Kadar Celik Huruf Lelaki dan Wanita Yang Berumur 15 Tahun dan Ke Atas	77



TERJEMAHAN

Penterjemahan nama dan istilah Tamil melalui terjemahan bahasa Malaysia adalah berdasarkan Sistem Terjemahan yang digunakan dalam *Tamil Lexicon*. Berikut ialah terjemahan huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

உயிரெழுத்துகள் / Huruf vokal

அ	-	a	எ	-	e
ஆ	-	aa	ஏ	-	ee
இ	-	i	ஐ	-	ai
ஈ	-	ii	ஓ	-	o
உ	-	u	ஔ	-	oo
ஊ	-	uu	ஔ	-	au

மெய்யெழுத்துகள் / Huruf konsonan

வல்லினம் Vallinam	மெல்லினம் Mellinam	இடையினம் Idaiyinam
க் - k	ங் - ng	ய் - y
ச் - c	ஞ் - nj	ர் - r
ட் - d	ண் - n	ல் - l
த் - t	ந் - nth	வ் - v
ப் - p	ம் - m	ழ் - zh
ற் - r	ன் - n	ள் - l

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Ramayana suatu karya peninggalan sejarah, memberi kesan mendalam dalam dunia kesusasteraan. Menurut kenyataan Mohd Taib Osman (1991), seorang sarjana tempatan sastera klasik yang sohor, epik *Ramayana* adalah berdasarkan watak atau dewa penting dalam agama Hindu. Karya peninggalan sejarah ini dihasilkan oleh resi atau petapa yang bernama Valmiki. *Ramayana* terdiri daripada tujuh kanda, iaitu Bala Kanda, Ayodhya Kanda, Aranya Kanda, Kishkintha Kanda, Sunthara Kanda, Yudha Kanda dan Uthara Kanda yang merangkumi 24 000 seloka. Kenyataan ini turut disokong oleh Mana Sikana (2007), dalam Teras Sastera Melayu Tradisional. Menurut beliau lagi, karya ini dihasilkan pada tahun 200 sebelum masihi.

Singgaravelu (2006), mengatakan bahawa hubungan antara India dengan Nusantara telah memudahkan penyebaran karya *Ramayana* di Rantau Nusantara. Mana Sikana (2007), yang turut menyentuh perkara ini menghuraikan bahawa karya ini memiliki pelbagai versi yang mempengaruhi kepercayaan agama dan kesusasteraan negara Asia Tenggara seperti Burma, Thailand dan Indonesia. Pendapat ini disokong oleh Mawar Shafei (2010), mengatakan bahawa terdapat beberapa versi *Ramayana* di beberapa daerah di Nusantara. Antaranya adalah Kakawin *Ramayana* (Jawa), *Ramakian* atau *Ramakirti* (Thailand), *Reamker* (Khmer) dan *Rama Yakan* (Vietnam Selatan). Karya ini juga dikenali sebagai *Ramavatharam* dalam bahasa Tamil dan *Dasaratha Jataka* No.461 dalam agama Buddha. Dengan ini jelas bahawa, *Ramayana* sebagai sastera rakyat, tidak terhad kepada sesuatu daerah, atau suku bangsa sahaja malah tersebar luas ke seluruh nusantara. Nyanasambanthan (1997), mengatakan bahawa, kepelbagaian versi *Ramayana* ini membawa perjalanan cerita yang berbeza, namun ia tetap memperlihatkan Rama sebagai watak utama karya ini. Antara perwatakan utama *Ramayana* yang lain ialah Dacarata, Sita, Lakshmana, Bharatha, Satrukana, Hanuma, Kugan dan Ravana.

Ramayana digolongkan sebagai epik oleh karya sasterawan. Cuddon (1977), menafsirkan makna epik sebagai sebuah cerita yang luas berbentuk puisi serta menceritakan gerak-geri pahlawan atau wira pada zaman dahulu. Menurut Cuddon (1977) lagi, epik juga mengandungi cerita, mitos, legenda dan sejarah sesebuah tempat dan masyarakat serta sejarah dan aspirasi sesebuah bangsa. Maka tidak dinafikan bahawa *Ramayana* ialah karya sastera agung yang mencerminkan budaya masyarakat menerusi hasil penulisannya. Adalah jelas bahawa epik *Ramayana* adalah antara penghasilan sastera tradisional yang memiliki sifat kesempurnaan tradisi masyarakat Hindu.

Simha (1965), mengatakan bahawa *Ramayana* dianggap sebagai ‘*Dharma Sastra*’ kerana ia menjadi panduan untuk menjalani kehidupan yang penuh dengan

tanggungjawab sebagai salah seorang ahli dalam keluarga dan komuniti. Manakala Bahadur (1976), berpendapat bahawa *Ramayana* ialah epik yang menerangkan perhubungan yang patut, betul dan perlu diamalkan oleh seseorang insan dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Maka, jelas bahawa karya ini menampilkan teladan yang baik yang harus dicontohi oleh para pembaca atau pendengar menerusi perwatakannya.

Ramai masyarakat pada masa dahulu menyara hidup dengan menjadi tok dalang dan pawang *Ramayana* dengan menyalurkan konteks epik ini kepada masyarakat bawahan. Maka secara tidak langsung, karya ini dengan sendiri menerima tokok tambah daripada para penyampai (Sivagami: 2002). Mohd.Taib Osman (1991), yang turut menyentuh perkara ini mengatakan bahawa, perubahan cerita berlaku kerana cerita itu diwarisi dan disebarikan melalui pertuturan. Sewaktu penyebaran, daya ingatan penyampai yang rendah menyebabkan berlakunya proses tokok tambah kepada karya yang asal. Kata puitis yang teratur dan berulang-ulang digunakan demi menguatkan ingatan dan menjaga keaslian cerita. Kriteria sastera lisan ini didapati menyebelahi konteks penyebaran sastera *Ramayana*.

Di Malaysia, karya ini meninggalkan kesan yang mendalam dalam kebudayaan masyarakat Melayu (Singaravelu: 2006). Krishnamoorthy (1993), mengatakan bahawa wayang Kulit Kelantan bersifat mempersembahkan Hikayat Seri Rama yang disadur daripada *Ramayana*. Justeru, karya ini memiliki tempat tersendiri dalam dunia kesusasteraan masyarakat Hindu mahupun Melayu di Malaysia. Dalam bidang kesusasteraan Tamil, *Ramayana* memiliki tempat tersendiri dalam mengutarakan prinsip kehidupan. Sumbangan ini membolehkan generasi yang berbudi pekerti dan berakhlak mulia dilahirkan dalam kalangan masyarakat.

1.2 Perkembangan Cerpen Tamil

Bakiamary (2009), mengatakan bahawa cerpen diperkenalkan oleh Edger Allon Poe di Amerika. Kedatangan pihak Inggeris, perkembangan teknologi, dan bidang penerbitan yang berkembang maju menyebabkan antara faktor yang memperkenalkan genre cerpen dalam bidang kesusasteraan Tamil. Iraiyan (1997), mengatakan bahawa sejarah perkembangan cerpen Tamil bermula dengan '*Paramartha Guru Kathai*' yang dikarang oleh Veeramamunivar pada 1822. Walaupun hasil penulisan ini tidak menepati ciri cerpen secara sepenuhnya, namun karya tersebut diterima dalam bidang kesusasteraan Tamil. Seterusnya, Bharathiyar mempelopori usaha penulisan cerpen ini dengan menghasilkan karya '*Rajaputra Kannigaiyar Saritham*' pada 1905. Namun, karya ini juga tidak menepati format cerpen yang dihasratkan. Ini diikuti dengan usaha penulis Selva Kesavaraya yang menerbitkan kumpulan cerpen '*Abinavak Kathaikal*' sekitar 1884-1921. Selva Kesavaraya memperlihatkan tema cerpen yang kreatif dan perjalanan cerita yang aman dalam karyanya. Namun, kesalahan dalam hasil karya tersebut menyebabkan cerpen tersebut juga tidak menepati cirinya. '*Kusikar Kuttik Kataikal*' yang dikarang oleh Mathavaiya sekitar tahun 1872-1925, diterbitkan dengan 22 cerpen yang mengentengahkan pelbagai tema perbincangan.

Namun begitu, '*Kulathangkarai Arasamaram Sonna Kathai*', karya Aiyar pada 1927 berjaya diterima dan menepati ciri cerpen. Karya ini menjadi titik permulaan sejarah perkembangan dunia cerpen Tamil. Namun, perkembangannya di Malaysia dapat dilihat pada tahun 1930-an. Novel diperlihatkan wujud dalam dunia penulisan Tamil di Malaysia sebelum kehadiran cerpen. Pendapat ini disokong oleh Subramaniam (1966), bahawa kesusasteraan Tamil yang terawal di negara ini ialah novel.

Pada peringkat awal, masyarakat India yang bermigrasi secara besar-besaran ke negara ini di bawah jajahan Inggeris, tidak mementingkan bidang kesusasteraan. Tumpuan mereka hanya kepada kegiatan sara hidup sahaja. Pendapat ini turut disokong oleh Krishanan (1993). Namun begitu, beliau turut mengatakan bahawa masyarakat India yang turut datang ke Malaya yang terlibat dalam kegiatan ekonomi lain tetap menceburkan diri dalam bidang penulisan karya kreatif ini.

Pada 1929, kedatangan Ramasami Naicker, seorang reformasi sosial yang terkenal hadir di Malaya, telah mewujudkan semangat baharu dalam kalangan pekerja ladang. Ini menyebabkan para pekerja mula berkecimpung untuk memikirkan identiti kebudayaan dan bahasa mereka di Malaya. Bahasa Tamil dipilih mewakili kebudayaan India di Malaya kerana majoriti buruh India adalah dalam kalangan etnik yang berbahasa Tamil. Keadaan ini menimbulkan perasaan cinta terhadap bahasa dan budaya yang sekian lama kurang dihiraukan oleh mereka. Maka, usaha untuk mengembangkan sastera, penubuhan sekolah Tamil dan kelas Tamil telah mula dititikberatkan (Krishanan: 1993)

Menurut Krishanan (1993), perkembangan bahasa Tamil dan perasaan cinta terhadap bahasa Tamil ialah faktor utama wujudnya karya kreatif sastera Tamil pada peringkat awal. Walaupun kebudayaan India telah tersebar di negara ini terlebih dahulu, perkembangan sastera Tamil tulen hanya wujud di negara ini setelah kedatangan masyarakat India yang majoritinya terdiri daripada orang Tamil. Menurut Subramaniam (1980), sejarah cerpen Malaysia bermula dengan terbitnya karya Sinniah Pillai, iaitu sebuah antologi cerpen bertajuk '*Navaraca Kata Mancari : Ivai Iniya Karpitak Kataikal*' (Antologi Cerita Beraneka Ragam: Ini Adalah Cerita-Cerita Seronok) pada 1930. Walaubagaimanapun, banyak sasterawan yang bercanggah pendapat dalam menetapkan tarikh sejarah perkembangan cerpen Tamil.

Singaravelu (2006), mengatakan bahawa surat khabar Tamil yang diterbitkan di Malaya berperanan penting dalam memperkembang kesusasteraan Tamil di Malaysia. Pandangan ini turut disokong oleh Krishanan (1993) dan mengatakan bahawa kelahiran akhbar dan majalah bahasa Tamil memperkembang kesusasteraan Tamil di Malaya. Antaranya adalah seperti '*Tamil Celvam, Inba Nilayam, Baratha Mithiran, Tamil Nesan, Malaya Man, Samudhaya Uliyan, Samarasam Puthuyukan, Dravida Kesari, Desabhimani, Barata Nesan, Malaya Nanban, Tamil Kodi, Senthamilcelvi, Tamil Murasu*' dan yang sebagainya. Akhbar Tamil Nesan yang diterbitkan pada 1924, mempelopori usaha penghasilan cerpen ini sejak peringkat awal. Pada peringkat awal, akhbar ini menyediakan ruangan '*Sudut Penulis*' yang memberi peluang kepada pembaca untuk mengemukakan pandangan mereka.

Menurut Beermohamad (2012), cerpen Tamil Malaysia yang pertama telah diterbitkan pada 1930. Pada peringkat awal, hasil pengarang memperlihatkan cerpen yang berpengaruh kuat dari India dan SriLanka. Tema perjuangan kemerdekaan negara India, cinta dan peperangan, masalah sosial seperti sistem kasta, dowri, kemiskinan, dan pengangguran dalam kalangan masyarakat India, adalah antara tema cerpen tersebut. Krishanan (1993), yang menyentuh hal ini mengatakan, masyarakat India awal yang hidup di Malaya, belum arif tentang kehidupan mereka dalam kebudayaan baharu, menyebabkan hasil penulisan mereka lebih cenderung memperlihatkan corak hidup Tamil Nadu.

Profesor Ungku Aziz (1977), turut menegaskan pengaruh Tamil Nadu pada peringkat awal penghasilan karya kreatif ini seperti berikut:

...begitu juga tentang penulisan Tamil di negara ini, yang telah dipengaruhi oleh gerakan-gerakan sastera di India. Ada antara mereka memang penulis-penulis yang datang dari India tahun 40-an dan 50-an dan dipengaruhi oleh satu gerakan sastera di Madras yang dikenali sebagai gerakan Manikkoti...(hlmn:51)

Kenyataan ini disokong lagi oleh Poobalan (1978), cerpenis Tamil Malaysia, yang juga memberi pandangan beliau tentang pengaruh Tamil Nadu dalam cerpen tempatan seperti berikut :

...walaupun akhbar Tamil Nesan, Tamil Murasu muncul pada tahun 1924 dan 1931 tetapi kemunculan karya-karya kreatif Tamil di negara ini mengambil masa lebih kurang tiga puluh tahun. Setakat itu karya-karya kreatif Tamil Nadu memenuhi ruangan-ruangan akhbar dan majalah sebagai menyempurnakan tugas-tugas sastera. (hlmn:51)

Dengan ini jelas bahawa perkembangan cerpen Tamil Malaysia pada peringkat awal mundur, dan lebih terpengaruh dengan tema dan persoalan yang berasaskan Tamil Nadu di negara India.

Walau bagaimanapun, para sasterawan Tamil tempatan tetap menunjukkan rasa kesetiaan mereka terhadap negara Malaya dengan menamakan judul akhbar dan majalah seperti 'Mithran' (1932), 'Malaya Thoothan' (1932), 'MalayaNadu' (1930), dan 'Malaya Mani' (1935), dan sebagainya. Selain itu, para penulis juga memperlihatkan identiti negara ini dengan menyelitkan watak kaum lain seperti Melayu dan Cina serta menggunakan latar belakang tempatan dalam cerpen mereka. Beermohamad (2012), mengatakan bahawa Rajammal seorang cerpenis wanita, membincangkan masalah perkahwinan masyarakat Melayu dalam hasil penulisan beliau. Dalam karya 'Fathimahvin Talak', Rajammal membincangkan kesengsaraan seorang wanita Melayu yang dicerai oleh suaminya semata-mata untuk berkahwin dengan wanita lain. Ini membuktikan bahawa, cerpen Tamil telah pun menampakkan ciri yang tersendiri dalam sejarah perkembangannya.

Menurut Krishanan (1993), selepas tahun 1930-an, para penulis telah mula menghasilkan sastera Tamil Malaya yang tulen. Suasana ini membantu kemunculan cerpen dengan bilangan yang banyak kerana hasil karya para penulis Tamil di negara

ini telah mula mendapat tempat di ruangan akhbar dan majalah tempatan. Pendapat ini disokong oleh Beermohamad (2012) dan mengulas lagi bahawa sokongan dan kerjasama dari Pengerusi MIC, Dato Seri Samyvelu pada peringkat tersebut memberi inspirasi baharu kepada para penulis tempatan serta memperkembangkan dunia penulisan kesusasteraan Tamil. Pada 26 November 1950 hingga 19 Ogos 1951, Akhbar Tamil Nesan telah memulakan ruangan 'kelas cerita' ataupun '*kathai vakkuppu*' dalam terbitan surat khabarnya. Dua orang penulis, iaitu, Suba Narayanan dan Bairoji Narayanan telah bertanggungjawab untuk mengendalikan kelas ini. Ruangan akhbar ini bertujuan memberi tunjuk ajar kepada penulis muda agar dapat menghasilkan cerpen yang bermutu tinggi. Ini diikuti dengan akhbar 'Tamil Murasu' di Singapura yang berhasrat sama seperti di atas. Akhbar ini mempertingkatkan kecenderungan pembaca Tamil Malaya dengan mengendalikan sebuah kelas, iaitu 'Majlis Penulis' yang bergelar '*Rasanai Vakuppu*'.

Menurut Krishnan (1993) lagi, usaha ini diteruskan lagi dengan '*Ruangan Pelajar Kelab Bell Tamil Murasu*' yang menyiarkan karya pelajar yang menjadi anggota '*Kelab Bell Pelajar-Pelajar Tamil Murasu*'. Peringkat perkembangan cerpen Tamil pada 1950-an, menerima usaha seorang individu, iaitu K.U. Alagirisamy. Beliau tokoh dalam penulisan cerpen dari Tamil Nadu yang dibawa khas untuk mempertingkatkan taraf akhbar Tamil Nesan. Beliau berjaya menjadikan akhbar Tamil Nesan keluaran hari Ahad sebagai majalah sastera dan menambahkan terbitan bilangan cerpen sebanyak dua buah dalam siarannya seminggu.

Pada 1952, Sarangabani, pengarang akhbar Tamil Murasu yang berwibawa, telah mempelopori '*Majlis Tamilar Tirunal*' di seluruh Malaya. Majlis ini menitikberatkan aspek bahasa, budaya, dan sastera Tamil. Majlis ini juga membantu perkembangan cerpen Tamil tempatan. Pemenang pertandingan majlis ini dihadiahkan dengan buku cerpen dan cenderamata yang mengandungi ruangan untuk penulis muda menghasilkan karya mereka.

Sebelum merdeka, peringkat tahun 1950-an, merupakan suatu zaman untuk mewujudkan cerpen Tamil Malaysia yang tulen. 'Kelas Cerita', 'Majlis Penulis' dan 'Tamilar Tirunal' membantu perkembangan cerpen Tamil di Malaya. Ini ialah hasil usaha Alagirisamy yang berusaha membentuk corak cerpennya yang tersendiri. Pada peringkat ini, dunia cerpen Tamil Malaya telah pun mempunyai barisan penulis yang mewakili segenap lapisan masyarakat. Mereka terdiri daripada guru sekolah Tamil yang tinggal di ladang, wartawan, kakitangan institusi penerangan seperti Jabatan Penerangan, Radio dan Televisyen, dan sebagainya. Pada 1958, mereka berjaya menubuhkan 'Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaya'. Menurut Krishnan (1993), setelah mencapai identiti tersendiri yang kukuh, cerpen Tamil Malaya telah melangkah ke era baru pada 1960-an. Pada era ini, penulisan cerpen Tamil berkembang pesat di Malaysia.

Selepas kemerdekaan, kerajaan yang mula menggunakan media massa untuk menyalurkan hasrat mereka dalam usaha membangunkan negara mendapat sambutan yang baik daripada cerpenis Tamil. Para cerpenis menghasilkan cerpen yang mendukung usaha kerajaan untuk membangunkan rakyat dan negara.

1.3 Pernyataan Masalah

Karya *Ramayana* merupakan hasil kesusasteraan Tamil yang dikagumi. Sehingga kini, banyak kajian yang melibatkan *Ramayana* telah dijalankan bagi mengeksplotasi dan memperlihatkan kandungannya. Daripada tinjauan didapati, Samikannu Jabamoney (2008), telah menjalankan kajian disertasi beliau ke atas *Ramayana* dan *Mahabaratha*. Kajian beliau membuktikan bahawa kedua-dua epik ini berpengaruh kuat dalam penghasilan puisi lama dan sajak moden. Kajian beliau lebih tertumpu kepada penganalisan latar belakang epik, peristiwa dan watak *Ramayana* serta *Mahabaratha* dalam puisi lama dan sajak moden. Hasil tinjauan mendapati bahawa, skop kajian ini terlalu luas kerana kajian ini melibatkan dua epik terbesar kesusasteraan Tamil. Memandangkan kajian terdahulu telah membincangkan pengaruh *Ramayana* dan *Mahabaratha* dalam puisi lama dan sajak moden, maka adalah wajar kajian semasa ini dijalankan keatas genre kesusasteraan Tamil yang lain iaitu, ke atas cerpen Tamil Malaysia dengan memfokuskan kepada satu epik sahaja. Ini wajar dilakukan kerana *Ramayana* merupakan satu epik yang besar dan luas yang sarat dengan kandungannya memerlukan penelitian yang mendalam untuk memahami kandungannya.

Veeramohan (2007), turut mengkaji kedua-dua epik terbesar ini. Kajian beliau tertumpu kepada pemaparan unsur *Ramayana* dan *Mahabaratha* dalam Cerpen Tamil Malaysia. Namun, kajian ini melibatkan himpunan cerpen antara 1957-1987-an. Akan tetapi, kajian ini lebih berfokus kepada penganalisan dalam memperlihatkan perwatakan *Ramayana* dan *Mahabaratha* dalam antologi cerpen yang terpilih. Namun, konsep sosiobudaya tidak disentuh dan diperlihatkan dalam kajian ini. Maka, adalah wajar kajian semasa diperincikan kepada pemaparan nilai sosiobudaya *Ramayana* dalam cerpen Tamil Malaysia.

Hasil tinjauan didapati bahawa beberapa tokoh sarjana tempatan telah menunjukkan inisiatif mereka dalam mengkaji aspek dalam cerpen Tamil Malaysia. Antara mereka ialah Dhandayutham (1972-1973) dimana beliau boleh dianggap sebagai pelapor kajian cerpen Tamil Malaysia. Kajian beliau lebih berfokus kepada pemaparan sejarah dan perkembangan Cerpen Tamil di Malaysia sahaja. Manakala, Kalaivani (2011), telah membincangkan isu-isu semasa dalam cerpen Tamil terbitan Akhbar Malaysia Nanban sebagai kajian disertasi beliau. Kajian ini memperlihatkan sumbangan dan peranan Akhbar Malaysia Nanban dan mengkaji isu semasa yang dibicarakan dalam Cerpen Tamil Malaysia Nanban. Kajian ini turut menyentuh isu kebudayaan dan wanita dalam masyarakat, penderitaan dan kesengsaraan warga tua, dan isu sosial masyarakat India. Akan tetapi, kajian ini tidak melibatkan himpunan cerpen akhbar Tamil Nesan yang mempelopori usaha penulisan cerpen dari peringkat awal lagi. Manakala, tema perbincangannya tidak tertumpu kepada nilai sosiobudaya secara spesifik sebagaimana yang diperlukan dalam objektif kajian ini.

Umadevi (2011), turut membincangkan isu semasa dalam Cerpen Tamil Malaysia. Kajian beliau dilimitasikan kepada antologi cerpen yang dikarang oleh Karthigesu terbitan tahun 1990-2006. Kajian ini memperlihatkan isu masyarakat India berdasarkan masalah sosial, ekonomi, dan politik yang terpapar dalam cerpen tersebut. Namun, kajian ini berasaskan kepada sudut pandang seorang cerpenis sahaja. Di sudut yang lain

pula, Beermohammad (2012), yang membincangkan sejarah perkembangan cerpen Tamil Malaysia, mengatakan bahawa adalah sukar bagi mengumpul, mengukur, membaca, dan menilai cerpen Tamil kerana kuantiti terbitannya yang banyak dalam surat khabar. Beliau mengatakan bahawa, cerpen mengandungi pelbagai sudut pandangan yang masih belum diterokai. Lebih-lebih lagi, menurut BeerMohammad (2012), cerpen Tamil Malaysia mengalami pembaharuan dalam jangka masa setiap sepuluh tahun. Ini membuka peluang kepada pengkaji untuk mendalami intipati cerpen yang diterbitkan pada 2012. Walaupun kajian mengenai Cerpen Tamil Malaysia pernah dilakukan sebelum ini, namun semua kajian diatas hanya menyentuh isu semasa dan aspek yang berkaitan dengan sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia sahaja.

Maka, boleh disimpulkan bahawa, setakat ini belum ada sebarang kajian yang lengkap yang memperlihatkan pengaruh *Ramayana* terhadap cerpen Tamil Malaysia. Oleh yang demikian, pengkaji ingin membuka lembaran baharu dalam penyelidikan kesusasteraan Tamil Malaysia dengan mengkaji pemaparan nilai sosiobudaya *Ramayana* yang dipaparkan dalam Cerpen Tamil Malaysia tahun 2012.

1.3 Objektif Kajian

Maka, berdasarkan pernyataan yang diungkapkan dalam teks di atas objektif kajian ini terdiri daripada:

- a) Mengenal pasti nilai sosiobudaya Ayoadhya Kanda *Ramayana* dan cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan tahun 2012.
- b) Membanding persamaan nilai sosiobudaya antara Ayoadhya Kanda *Ramayana* dengan cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan tahun 2012.
- c) Menganalisis perbezaan nilai sosiobudaya antara Ayoadhya Kanda *Ramayana* dengan cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan tahun 2012.

1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji mengemukakan tiga persoalan dalam kajian seperti berikut.

- a) Apakah nilai sosiobudaya yang terkandung dalam Ayoadhya Kanda *Ramayana* dan cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan tahun 2012?
- b) Apakah persamaan nilai sosiobudaya antara Ayoadhya Kanda *Ramayana* dan cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan tahun 2012?
- c) Apakah perbezaan nilai sosiobudaya antara Ayoadhya Kanda *Ramayana* dengan cerpen Tamil Malaysia Terbitan Akhbar Tamil Nesan tahun 2012?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi manfaat kepada beberapa pihak seperti di bawah. Dalam dunia pendidikan, hasil kajian akan memberi impak agar karya sastera *Ramayana* boleh diaplikasikan sebagai sumber sastera utama dalam bidang pendidikan. Nilai estetik *Ramayana* boleh diubahsuai dan diaplikasikan dalam teks naratif pengajaran yang lain mengikut peringkat usia pelajar. Pengaplikasiannya juga boleh dilakukan melalui modul, atau pakej belajar, pembinaan item, bahan bantu mengajar, dan sebagainya. Secara tidak langsung ia akan menelusuri jiwa dan membentuk sahsiah diri pelajar yang baik menerusi bahan bacaan tersebut. Sedikit sebanyak penerapan juga akan mengurangkan gejala negatif dalam kalangan pelajar.

Kajian ini dijangka penting kepada masyarakat. Ia akan memberi kesedaran kepada masyarakat dalam menitikberatkan penghayatan karya sastera yang lama; mengenal pasti nilai budaya masyarakat tempatan yang diwarisi sejak zaman dahulu. Dalam pada itu, *Ramayana* dan cerpen, dijangka mampu memberi sumbangan dari sudut rohani kepada masyarakat untuk membangkitkan tenaga sehingga keseluruhan komponen masyarakat turut serta menghargai pembentukkannya kerana masyarakat yang menjauhi unsur estetik akan kurang serasi.

Kajian ini akan bermanfaat kepada para penuntut untuk mengenal pasti ciri sosiobudaya yang terdapat dalam karya sastera *Ramayana* dan cerpen tempatan. Dengan ini mereka berpeluang meningkatkan pemahaman dan persepsi mereka terhadap karya sastera *Ramayana* yang semakin dilupakan dalam kalangan generasi muda. Ia akan membuka peluang kepada mereka untuk menerima sepenuhnya, secara tidak langsung penerimaannya akan membantu mereka membentuk sahsiah diri mereka sendiri. Hal ini membolehkan penuntut menjiwai nilai murni *Ramayana* dari segi kebudayaan, kemanusiaan dan kemasyarakatan seperti yang dihasratkan untuk membina insan yang unggul dalam kehidupan.

Sastera sangat diperlukan untuk melengkapkan nilai sesebuah masyarakat. Melalui sastera, masyarakat juga dapat mempelajari sejarahnya untuk memperbaiki kekurangan dalam kehidupan mereka. Maka peranan penulis amat dititikberatkan di sini untuk menyalurkan nilai *Ramayana* kepada masyarakat melalui mata penanya. Ia amat bertepatan dengan pernyataan Nyoman Kutha Ratna (2005), kandungan karya sastera dapat dimanfaatkan secara maksima apabila karya disalurkan kepada masyarakat dimana ia lahir, tempat ia dimanfaatkan, dan di tempat ia dihargai. Ini adalah kerana sesebuah karya hilang dari minda masyarakat jika ianya tidak dihargai oleh masyarakat tersebut. Justeru, karya *Ramayana* tidak memerlukan sumber tenaga dan pembiayaan yang tinggi bagi penyebarannya, tetapi hanyalah usaha yang konkrit dan berterusan sahaja daripada penulis. Maka tugas dan tanggungjawab penulis amat tinggi dalam konteks ini.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini difokuskan pada penganalisan nilai sosiobudaya *Ramayana* dalam cerpen Tamil Malaysia terbitan Akhbar Tamil Nesan tahun 2012. Karya *Ramayana* asal yang berbentuk puisi tidak digunakan dalam kajian ini kerana ia sukar untuk difahami. Oleh yang demikian, huraian teks prosa karya *Ramayana* yang dikarang oleh Nadarajan (2008), dipilih sebagai sumber utama kajian ini. *Ramayana* berbentuk huraian teks prosa dipilih kerana ia mudah mendampingi masyarakat berbanding dengan teks berbentuk puisi. Lebih-lebih lagi, teks prosa ini dipilih kerana ia bersifat menentang konteks makna tersirat secara konkrit, tidak memerlukan rujukan sampingan untuk mengetahui makna pengarangnya. Manakala, cerpen Tamil yang dipilih terdiri daripada terbitan akhbar Tamil Nesan kerana ia adalah antara akhbar tempatan yang telah memelopori usaha penghasilan cerpen pada peringkat awal sekitar kelahirannya pada 1924. Sebanyak 53 cerpen tahun 2012 terbitan surat khabar ini telah dikenal pasti dan digunakan sebagai instrumen kajian. Cerpen terbitan 2012 dipilih kerana ia adalah antara himpunan cerpen setahun terkini yang diperoleh ketika kajian ini dijalankan. Kajian ini dilimitasikan kepada penganalisan nilai sosiobudaya *Ramayana* khasnya dalam Ayoadhy Kanda sahaja.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Nilai

Mengikut pandangan Kluckhohn & Strodtbeck (1961), nilai ialah sesuatu yang kompleks tetapi berpola dan berprinsip yang memberi arahan dan menjadi petunjuk terhadap perlakuan serta pemikiran manusia dalam mengatasi masalah. Nilai pada asasnya merupakan tanggapan yang mempengaruhi corak pilihan terhadap bentuk, alat dan matlamat tindakan (Zainal Kling, 1980). Nilai ialah idea yang dikongsi dalam sesuatu masyarakat; juga membawa maksud, tanggapan mengenai apa yang baik atau buruk dalam sesebuah kebudayaan (Mohd. Salleh Lebar, 1998). Manakala, Allport (1963) mendefinisikan nilai sebagai keyakinan yang membuat seseorang bertindak atas dasar pilihannya. Sementara itu, nilai sosial adalah nilai yang dianuti oleh sesebuah masyarakat, berdasarkan baik dan buruk untuk anggota-anggotanya.

1.8.2 Sosiobudaya

Smelser (1997), mengatakan sosiologi sebagai kajian saintifik tentang masyarakat dan hubungan antara manusia. Menurut Tisher, Whitten & Hunter (1983), sosiologi ialah kajian saintifik tentang masyarakat dan interaksi sosial. Tumpuan utama sosiologi adalah kumpulan atau masyarakat, bukannya individu. Manakala, budaya atau kebudayaan membawa maksud sebagai hal yang berkaitan dengan budi dan akal manusia. Shipman (1975), mentakrifkan budaya sebagai hubungan antara individu, dalam situasi mereka berada. Maka, budaya boleh disimpulkan bahawa kelakuan manusia berdasarkan kelompok-kelompok tertentu yang merangkumi aspek pemikiran, sikap, kepercayaan dan tindakan kebiasaan yang menggambarkan cara hidup manusia

dalam masyarakat. Maka, secara kesimpulannya, sosiobudaya membawa pengertian amalan atau gaya hidup sesebuah masyarakat, yang berasaskan pegangan hidup dan kecenderungan diri dalam usaha mencapai kepuasan diri yang optimum.

1.8.3 Ramayana

Karya *Ramayana* ini terkenal dalam kalangan masyarakat Hindu dalam bentuk sastera lisan sebelum ianya dikarang oleh Valmiki. Karya *Ramayana* merupakan salah satu epik terbesar dalam kesusasteraan Hindu. Ia menceritakan kisah raja di masa lampau. Keunikan dan kandungan yang amat baik menyebabkan ianya tersebar luas ke seluruh tanah Nusantara.

1.8.4 Cerpen Tamil Malaysia

Kathigesu (2004), mengatakan bahawa cerpen Tamil Malaysia mempunyai sejarah perkembangan yang sama dan seiring dengan perkembangan cerpen Tamil di India. Beermohammad (2012), mengatakan bahawa cerpen Tamil Malaysia mempunyai ruangan yang masih banyak perlu diterokai untuk melihat perkembangannya. Cerpen Tamil Malaysia yang melihat sudut pandangan yang berbeza akan meningkatkan kualitinya di arena kebangsaan.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2003). *Gangguan Seksual Pengurusan Tingkah Laku dan Perkembangan Gender Dalam Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributers Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman. (1990). Nallarasu. *Kambanil Arasiyal Kodpadu* (pp71-86). Chennai: Kavikko Pathipagam.
- Abdullah Sani Yahaya. (2006). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur: Pts Profesional Publishing.
- Abu Ahmadi .H. (1997). *Ilmu Sosial Dasar*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Ahmad Shalaby. (2001). *Perbandingan Agama-agama yang Terbesar di India. Hindu, Jaina, Buddha*. Singapura.Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Allport Gordon, W. (1963). *Pattern and Growth in Personality*. Austin: Holt,Rinehart & Winston Of Canada Ltd.
- Ananda Guruge. (1960). Introduction. *The Society Of The Ramayana* (pp1-6). Maharagama: Saman Press.
- Ananda Guruge.(1960).The Social Organization. *The Society Of The Ramayana* (pp124-192). Maharagama: Saman Press.
- Anbalakan.K. (2008). *Indentiti India di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Azlinda binti Azman. (2007-2009). *Institusi Kekeluargaan dan Pembangunan Modal Insan*. Rancangan Kerja Sosial.
- Bahadur, P. (1976). *Rama Charitamanasa: A Study in Perspective*. Delhi: Ess Publication.
- Bakiamary. (2009). Sirukatai Nuulkal. *Vagaimai Nokil Tamil Ilakkiya Varalaru* (pp 444-448). Chennai: New Century Book House.
- Balasubramanian. (2010). Kambaramayanam. *Tamil Ilakkiya Varalaru* (pp125-128). Chennai: Meiyappan Pathippagam.
- Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari. (2009). *Isu-Isu Fiqqh Halal Dan Haram Semasa, Ilmu, Akidah, Syariah Dan Akhlak*. Batu Caves: Al-Hidayah Publication.
- Beattie, John. (1979). *Lain-Lain Kebudayaan. Tujuan, Kaedah dan Pencapaian Dalam Bidang Antropologi Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Beermohamad, S. (2012). Malaysiath Tamil Sirukataikal Kadanthu Vantha 82 Aandukal. Tamilmani.A.*Malaysiath Tamil Ilakkiyam Oru Nuurrandu* (pp142-169). Batu Caves: Penerbit Perubahan Penulis Progresif Tamil Malaysia.
- Block, J. H., & Keyes, S. (1988). *Longitudinally Foretelling Drug Usage In Adolescence: Early Childhood Personality and Environmental Precursors*. 59(2), 336-355.
- Boudreau Fances, A. (1993). *Understanding Social Life: Introduction To Sociology*. Belmont: Wadsworth Publishing.
- Buletin Perangkaan Sosial Malaysia. (2010). Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Burgess, E. & Locke, H. (1953). *The Family From Institution To Companionship*. New York: American Book Co.
- Che Hasniza Che Noh. (2006). *Komunikasi Asas Kesejahteraan Keluarga*. Telaga Akal Pancuran Budi. Kuala Lumpur: Utusan Karya Sdn.Bhd.
- Cuddon, J.A. (1977). *Dictionary Of Literacy Terms*. London: A Deutsch.
- Culp, R.E., Schadle, S., Robinson, L., & Culp. A.M. (2000). *Relations Among Parental Involvement and Young Children's Perceived Self Competence and Behavioral Problems*. Journal Of Child And Family Studies 9(1): 27-38.
- Dewey, John. (1859-1952). The Journal Of Philosophy. Public Journal Of Philosophy. Inc.50(1), 5-13.
- Elkind David. (1981). *Children And Adolescents*. London: Oxford University Press.
- Fung Yu-Lan. (2006). *Sejarah Ringkas Falsafah Cina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gobalan, N. (2000). Kambanil Arasiyal Tattuvam. Inthiya Palkalaik Kalaga Tamilasiriyar Mandra Muthalam Karuththaranggal Aavuk Kovai, Madras, India. 188-196
- Griffith Ralp, T.H. (1895). *The Ramayana Of Valmiki Translated Into English Verse*. London: Luzac And Co.
- Harmy Mohamad Yusoff. (2010). Merokok: Ketagihan yang Harus Dihentikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haslina Hj.Hassan & Ann Wan Seng. (1995). *Wanita dan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Hazil Abdul Hamid. (1990). *Sosiologi Pendidikan dalam Perspektif Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<http://dppwp.wordpress.com/usrah/pembangunan-sistem-sosio-budaya-islam-dalam-kontek-masyarakat-malaysia/>

<http://en.wikipedia.org/wiki/friendship>

<http://eprints.utm.my/12174/1/jepc-2011-1-007.pdf>

<http://journalarticle.ukm.my/4332/1/jil2bil2-3khoo.pdf>

<http://jurnalpopuler.blogspot.com/2013/06/pengaruh-india-dalam-kakawin-ramayana.html>

<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/tigakesceraidalam1jam/article>

http://www.lppkn.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=300&itemid=924&lang=ms

<http://www.scribd.com/doc/52461583/refleksi>

<http://www.sinarharian.com.my/semasa/kajian-paras-rupa-kurang-menarik-dorong-kes-dera-kanak-kanak-1.131782>

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pekerja-di-malaysia-kurang-masa-bersama-keluarga-menurut-kajian-jobstreet>

http://www.utusan.com.my/utusan/bicara_agama/20121226/ba_01/masalah-moral-remaja

Hudson, M. F. & Carlson, J. R. (1994). Elder Abuse: Middle Aged And Older Adults Part 1: Instrument Development. *Journal Of Elder Abusu And Neglet*. 6(1), 29-54

Hudson, M. F. (1991). Elder Mistreatment: A Taxonomy With Difications By Delphi. *Journal Of Elder Abuse dan Neglet*, 3(2), 1-20.

Hussein Hj.Ahmad. (2001). *Mandat Unesco dan Cabaran Globalisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Iraiyarasan, P. Sirukatai. *Tamil Ilakkiya Varalaru* (pp 300-305). Chennai: Puumbukar Pathipagam.

Jamal Darus. (1989). *Membimbing Anak Muda Dengan Sempurna*. Singapura. Sempurnajaya Publishing.

Jayaletchumi Mottan. (2002). *Keluarga Dan Keibubapaan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Joseph S.Roucek & Roland L.Warren. (1979). *Sosiologi Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kaiser, Susan B. (1985). *The Sosial Psychology Of Clothing and Personal Adornment*. New York: Mamillan Publishing.
- Kaiser, Susan B. (1985). *The Sosial Psychology Of Clothing: Symbolic Appearances In Context*. New York: Fairchild Publications.
- Kalaivani Palaney. (2011). *Kajian Isu-Isi Semasa Dalam Cerpen Tamil Terbitan Akhbar Malaysia Nanban*. Universiti Malaya, Malaysia.
- Kant Immanuel. (2008). *Groundwork For The Metaphysic Of Morals*. Indiana: Hackett Publishing Co.
- Karthigesu, R. (2004). Sirukataikal. *Malaysiyath Tamil Ilakiyam Oor Arimugam* (pp27-45). Kuala Lumpur: Penerbit Tamil Ealutalar Sanggam.
- Klucknohn, F. & Strodbeck Kitao. (1985). Effects Of Social Environment Of Japanese and American Communication. *Journal of Pragmatics*. 31: 653-672
- Krishanan Maniam. (1993). *Cerpen Tamil dan Melayu 1957-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krishanan Maniam. (1993). Struktur Cerpen Tamil Malaysia. *Cerpen Tamil dan Melayu 1957-1970* (pp215-252). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kristeva Julia. (1980). *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Levine, R.A, Miller, P. & West, M.M. (1988). Parental Behavior In Diverse Societies. *New Directions For Child Development Sourcebook*. San Francisco: Jossey-Bass
- Maciver R.M. & Charles H, Page. (1970). *Masyarakat: Suatu Analisa Permulaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1998). Intertekstualiti. *Teori Dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mana Sikana. (2007). *Teras Sastera Melayu Tradisional*. Shah Alam: Penerbit Karya Selangor.
- Marican, Sabitha. (2008). *Pentadbiran dan Amalan Kerja Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A.H. (1954). *Motivation And Personality*. New York: Harper and Row Publishers.
- Mawar Shafei. (2010). *Novel Intertekstual Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Taib Osman. (1991). *Teras Sastera Melayu Tradisional*. Shah Alam: Penerbit Karya Selangor.

- Mohd. Ismail Othman. (2006). *Menangani Disiplin Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd. Nor bin Long. (1982). *Disiplin Sekolah: Ponteng Sekolah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Salleh Lebar. (1998). *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Batu Caves : Thinker's Library Sdn.Bhd.
- Nadarajan, A.L. (2008). *Ramayanam*. Thirumagal Nilayam. Chennai: India.
- Newman, G.B. (1963). *Daily Mail Year Book*. London: Associated Newspaper Ltd.
- Nyanasambanthan. (1997). *Kambanum Palveru Ramayanangalum. Raman Panmuga Nokkil (pp1-20)*. Chennai: Gangai Puthaka Nilayam.
- Nyoman Kutha Ratna, S.U. (2005). *Sastera dan Cultural Studies: Representasi Fiksi dan Fakta*. Yogyakarta: Pustaka Fajar.
- Olson, D.H & Defrain, J. (2000). *Marriage And The Family: Diversity and Strengths* California: Mayfield Publishing Company
- Othman Puteh. (2001). *Teman Ujana Sastera Utusan Othman Puteh: Penulisan Kreatif. Teori. Pengalaman. Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn.Bhd.
- Paddabiraman, T. (2007). *Vaazhviyal Utrukal*. Chennai: Kalainjan Pathippagam.
- Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2012).
- Poobalan,V. (1978). Latar Belakang Kemasyarakatan di dalam Cerpen-cerpen Tamil Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Cerpen-Cerpen Tamil Malaysia*. 79(1).3
- Ragavaiyanggar, M. (2011). *Ramayanamum Tamil Valakugalum. Araichi Toguthi II (pp69-89)*.Chennai: Puumbukar Pathipagam.
- Rahmat Hidayat Sabari. Pemikir. *Cabaran Keluarga dalam Masyarakat Moden*. Ogos 22, 2006, pp 18.
- Rajagopalan, N. (2013). *Ramayanam Kamban. Balasubramaniam & Nila Pathmanaban. Puthiya Tamil Ilakiya Varalaru Toguthi II (pp149-164)*. Delhi: Sahitya Akademi.
- Ramasamy. [1999(A)]. *Indian War Memory In Malaysia*. Di Dalam P.Lim Pui Huen dan Diana Wong (Pnyt.) *War and Memory in Malaysia and Singapore*: Singapore: Iseas
- Ramli Isin. (1994). *Teks Cerminan Nilai Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rasamanikkanar, M. (2008). Kamba Ramayanathil Ilavalkai. *Tamil Panpaadu Varalaru, Kalanjiam II* (pp380-385). Chennai: Karya Publication.
- Rasamanikkanar. (1955). Arasiyal Nutpam. *Kambar Yaar*. Chennai: Santhi Nulakam.
- Samikkanu Jabamoney. (2008). *Pengaruh Ramayana dan Mahabharata dalam Puisi Tradisional dan Sajak Moden Tamil Malaysia*. Universiti Malaya, Malaysia.
- Samir Muhazzab Amin & Winny Abdul. (2009). *Pengantar Kerja Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn.Bhd.
- Seeta Lechumi. The Influence Of Ramayana In Ancent Tamil Literature (Palantamil Ilakkiyanggalil Ramayanath Thaakkam). *International Conference On Dimensions Of Tamilology*, Chennai, India, Mac 25-28, 2013.
- Shamsudin Othman & Abdul Rashid Jaminan. (2011). *Pendidikan dan Masyarakat: Peranan Institusi Sosial*. Serdang: Upm Press
- Shipman, M. D. (1975). *Sociology Of The School: The Longman Sociology Of Education*. Harlow: Longman
- Simha, S. L. N. (1965). *Ramayana For The Modern World*. Bombay: Bhariya Vidya Bhavan.
- Singaravelu Sachithanatham. (2006). *Siri Khas Satera dan Sains Sosial: Pengajian India Bicara Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Singaravelu Sachithanatham. (2013). *Karya Etika Tamil Thirukkural*. Kuala Lumpur: Uma Publication.
- Sivagami, S. (2002). *Irubathil Kamban*. Chennai: Japanika Printing.
- Skidmore, R.A., Thackeray, M.G., Farley, O.W., Smith, L.L., & Boyle, S.W. (2000). *Introduction To Sosial Work. Eight Edition*. Needham Heights: A Pearson Education Company.
- Smelser Neil, J. (1997). *Problematics Of Sociology: The Geory Simmel Lectures*. Berkely: University Of California Press.
- Srinivasan, K. S. (1993). Ramayana Tradition In South East Asia. Krishnamoorthy, K & Jithendra Nath, S. *A Critical Inventory Of Ramayana Studies In The World* (ppxxiii-xxxvi). Delhi: Sahitya Akademi.
- Subramaniam Murugu. (1966). Growth Of Modern Tamil Literature In Malaysia. *Proceedings Of The First International Conference Seminar On Tamil Studies. Vol.2*. Kuala Lumpur: Iatr. 304
- Teeuw, A. (1988). *Sastera dan Ilmu Sastera*. Jakarta: Penerbit Pustaka Jaya.
- Thorson, J. A. (1995). *Aging In A Changing Society*. Belmont: Wadsworth Publishing.

- Umadevi Brabakaran. (2011). *Isu-Isu Semasa Dalam Cerpen Tamil Malaysia Dari Tahun 1990-2006*. Universiti Malaya, Malaysia.
- Umamageswary, A. & Abithasababathy. (2005). Malaysiac Sirukataikal Vagaiyum Vadivum. *Tamil Ilakiya Vagaimaiyil* (pp195-274). Chennai: International Institute Of Tamil Studies.
- Ungku Aziz. (1977). Pengantar Dalam Harun Hj.Abdullah (Ed). *Koleksi Cerpen-Cerpen Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Veeramohan Veeraputhran. (2007). *Pemparan Unsur Ramayana Dan Mahabharata Dalam Cerpen Tamil Malaysia (1957-1987)*. Universiti Malaya, Malaysia.
- Walker Nigel. (1980). *Punishment, Danger and Stigma*. New York: Rowman & Littlefield Publishers.
- Zastrow Charles. (2000). *Sosial Problems: Issues and Solutions*. Belmont: Wadsworth
- Zieseniss Alwxander. (1963). *The Rama Saga In Malaysia: Its Original and Development*. Ampang: Malaysian Sociology Research Centre.